

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM**

**IKLAN PENGAMBILAN CALON TINGKATAN 6 (TAHFIZ)
DI PUSAT TINGKATAN 6 KPM AMBILAN TAHUN 2019**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa **Murid Lepas Tingkatan Lima (5) Tahun 2018 yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** seluruh negara untuk memohon mengikuti Tingkatan 6 (Tahfiz) yang ditawarkan di **Pusat Tingkatan 6 SMKA Putrajaya dan Pusat Tingkatan 6 SMKA Kedah** bagi Ambilan Mei 2019 seperti berikut:

KETERANGAN

- 1.1 Pelaksanaan tingkatan 6 (tahfiz) ini menggabungkan antara hafazan al-Quran, bahan ilmiah secara tutorial dan amali qiraat dalam tempoh masa selama tiga semester.
- 1.2 Pengajian Tahfiz ini bertujuan melahirkan murid yang mantap hafazan, mahir dalam ilmu yang berkaitan dengan al-Quran, dan cemerlang akhlak serta menyediakan murid ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
- 1.3 Kandungan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran yang diperkenalkan di tingkatan 6 tahfiz adalah untuk memantapkan hafazan 30 juzuk al-Quran, *Maharat Ulum al-Quran*, asas *Maharat Qiraat Ilmi* dan Amali bacaan Imam *Qiraat 'Asyarah*; dan mengaplikasi *Maharat al-Rasm*, *Dhabt al-Quran* dan *Fawasil*.

2 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarat yang ditetapkan untuk pengambilan calon adalah seperti yang berikut :

- 2.1 terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 17 tahun dan tidak melebihi 20 tahun pada tahun permohonan semasa;
- 2.2 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- 2.3 memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Hifz Al-Quran dan Maharat al-Quran sekurang-kurangnya gred C; atau
- 2.4 murid Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran dan Sunnah sekurang-kurangnya gred C dan telah menghafaz sekurang-kurangnya 7 juzuk; atau
- 2.5 murid sekolah tahfiz swasta memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran dan Sunnah sekurang-kurangnya gred C serta telah menghafaz sekurang-kurangnya 7 juzuk
- 2.6 bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat Semester 3.

3 CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang (web url) <http://jpwpp.moe.gov.my/smkat6tahfiz> mulai **13 Mac 2019**.
- 3.2 Calon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran kemasukan. Maklumat ini juga akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran murid.

4 MAKLUMAN DAN PERHATIAN

- 4.1 Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang <http://jpwpp.moe.gov.my/smkat6tahfiz> pada **1 April 2019**.
- 4.2 Calon yang berjaya dalam temuduga tingkatan 6 Tahfiz boleh menyemak keputusan temuduga melalui laman sesawang <http://jpwpp.moe.gov.my/smkat6tahfiz> pada **16 April 2019**.

5 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

22 Mac 2019 (Jumaat), Jam : 11.59 Malam

6 ALAMAT BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM, KPM

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan :

**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS BAWAH & 2
NO 2251, JALAN USAHAWAN 1,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p : Sektor Kemajuan Sekolah Agama)
No. Telefon : 03-8321 7200**

Atau

**JABATAN PENDIDIKAN WP PUTRAJAYA
Aras 7, Lobi 2, Blok E2,
Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E,
62604, Putrajaya
No. Telefon : 03-8889 0033**

** Sila layari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia untuk maklumat lanjut berkaitan tingkatan 6 tahfiz.

Portal Rasmi
<http://portal.mpm.edu.my/home>

Pewartaan Subjek Tahfiz
<http://portal.mpm.edu.my/documents/10156/d2c91960-e242-4d11-aa4a-a17000b613dc>

Sukatan Pelajaran Tahfiz dan Kertas Soalan Contoh
<http://portal.mpm.edu.my/documents/10156/898eef51-a80c-4178-91e9-57108afae2a8>